

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
KHAMIS, 6 MAC 2025**

PJL06/01/2025

1

No. Soalan: PL9

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA
SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD.
RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM** meminta **MENTERI KEWANGAN
DAN EKONOMI II** menyatakan perkembangan penubuhan Bursa Saham Negara
termasuk sasaran jangka waktu penubuhannya, undang-undang dan peraturan, serta
perkara berkaitan yang sehingga kini masih belum ternampak perkembangannya
yang konkrit. Dipohonkan pencerahan seperti yang dipohonkan pada tahun 2023
akan sebab utama penubuhan ini belum terlaksana walhal cadangan ini telah
beberapa tahun dalam penelitian.

JAWAPAN:

Projek ini berjalan dengan baik dan jika dilaksanakan dengan teratur, akan dapat
mewujudkan lebih banyak pekerjaan baharu yang berkualiti seperti *primary dealers*,
secondary dealers, *research analysts*, penganalisa pelaburan dan lain-lain.

Pada masa yang sama, penubuhan Bursa Saham menawarkan peluang kepada
pelabur untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi, serta
menggalakkan budaya menyimpan dan melabur. Selain itu, Bursa Saham yang
dikawal selia dengan teratur akan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pasaran
yang mana dapat meningkatkan lagi daya tarikan untuk pelabur domestik dan

antarabangsa serta memupuk ekonomi yang lebih berdaya tahan dan pelbagai. Kejayaan pelaksanaan projek ini memerlukan kesediaan pasaran yang komprehensif. Ini bukan sahaja merangkumi pembangunan peraturan-peraturan dan infrastruktur Bursa Saham tersebut, tetapi juga melibatkan pembangunan ekosistem sokongan termasuk penyedia perkhidmatan tambahan seperti perkhidmatan depositori, perkhidmatan custodian, penasihat kewangan korporat, penaja jamin, juruaudit dan firma guaman yang berkebolehan.

Dalam hal ini, pihak Projek Bursa Saham telah menjalankan usaha untuk menangani cabaran-cabaran dan peluang kejayaan projek Bursa Saham. Salah satu cabaran adalah implementasi model perniagaan (*business model*) secara langsung iaitu tanpa melibatkan broker dan penyelesaian secara real-time (*real-time settlement*)

Selain itu, pihak Projek Bursa Saham juga menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) dan Alhamdulillah, kajian ini bagi *The Establishment of Securities Exchange, Clearing House and Central Securities Depository* sudah selesai dilaksanakan dan fasa pelaksanaan (*Implementation Stage*) akan dimulakan Insya Allah pada bulan ini. Kajian-kajian yang dibuat termasuk:

1. Pembangunan strategi yang mengandungi pelan hala tuju strategik bagi membina ekosistem pasaran model, pembaharuan kawal selia (*regulatory reforms*) yang juga mengandungi inisiatif tadbir urus Syariah, pembangunan industri, peningkatan infrastruktur pasaran (*market infrastructure enhancement*), program pembinaan kapasiti, Bursa Saham analisa *cost-benefit*, dan unjuran hasil.
2. Jangkauan pasaran (*Market outreach*) sebagai pelan yang dirancang secara strategik untuk mendapatkan penglibatan pihak yang berkepentingan seperti pengawal selia, peserta (*market participants*), syarikat-syarikat sebagai issuers yang berpotensi, dan pelabur; dan
3. Persediaan untuk melaksanakan pelan tindakan fasa pelaksanaan seperti:
 - ❖ Struktur organisasi yang lebih sesuai bagi BNX;
 - ❖ Tadbir urus Syariah dan penyenaraian sukuk;
 - ❖ Keperluan teknologi bagi platform ketiga-tiga entiti BNX; dan
 - ❖ Tatacara prosedur atau proses permohonan lesen untuk beroperasi dalam Bursa Saham.

Dari segi penyediaan undang-undang dan peraturan pula, pihak Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama pihak Pejabat Peguam Negara telah menyediakan pindaan terhadap perundangan Securities Markets Order, 2013 (SMO). Ini termasuk bagi mengadakan dan memudahkan penubuhan sebuah Pihak Berkuasa Penyenaraian (*Listing Authority*) dan mengadakan penubuhan Official Listing, serta menyediakan peraturan untuk syarikat penaja (*sponsor companies*) yang diperlukan apabila syarikat-syarikat ingin disenaraikan ke dalam bursa saham. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan pasaran, melindungi integriti pasaran dan memastikan perlindungan pelabur.

Selain daripada itu, pihak BDCB bertanggungjawab dalam merangka Peraturan Penyenaraian (*Listing Rules*). Perkara tersebut telah melalui beberapa perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk memastikan kebolehgunaan dan kesesuaian praktikalnya dalam konteks tempatan dan peringkat pembangunan pasaran di negara ini. Setakat ini, kerja-kerja pindaan terhadap perundangan dan Peraturan Penyenaraian adalah pada fasa terakhir.

Insyallah, pihak MOFE akan terus berusaha sedaya upaya dalam melaksanakan Bursa Saham ini dan memohon kerjasama pihak yang berkepentingan yang lain untuk sama-sama mempercepatkan penyiapan projek ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL48

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sekiranya Kementerian akan meneliti semula dan memperketatkan peraturan mengenai perniagaan di Brunei dengan menukar model perniagaannya kepada *GLC initiated local franchise*, joint-ventures & koperasi tempatan. Ini memandangkan banyak perniagaan di Brunei, seperti kedai runcit, restoran, dan pembinaan, dikuasai warga asing, terutama dari Asia Selatan dan sebahagian besar memanfaatkan subsidi tetapi tidak menyumbang kepada ekonomi Negara dan tidak mengambil pekerja rakyat tempatan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pertama, mengenai PL48 Tentang pelaksanaan dasar bagi perniagaan untuk mengubah model perniagaan mereka kepada *GLC initiated local franchise*, joint venture, dan koperasi tempatan, terutamanya dalam aktiviti perniagaan yang dipengaruhi oleh pihak warga asing.

Kaola memahami kebimbangan Ahli Yang Berhormat terutamanya dalam aktiviti kedai runcit. Dalam hal ini, pihak Kerajaan telah memulakan usaha untuk menangani isu ini supaya lebih banyak usahawan tempatan dapat melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan seperti ini.

Kejayaan usaha ini akan bergantung kepada kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, baik di sektor awam mahupun swasta, dalam pelbagai aspek seperti aksesibiliti kewangan, supply chain, penyediaan fasiliti, ilmu pengurusan perniagaan asas, dan lain-lain. Oleh itu, ke arah memudahkan usaha ini, pihak Kerajaan bersama BEDB serta sektor swasta, telah memulakan kajian dan penelitian ke arah dasar dan konsep model tersebut. Konsep ini adalah untuk mengurangkan halangan ataupun *entry barrier* bagi usahawan tempatan untuk men-ceburi perniagaan tersebut. Insha

Allah, jika usaha ini berjaya dengan sokongan penuh daripada pihak yang tertentu, pihak Kerajaan akan melaksanakannya dalam masa yang terdekat.

Walaupun pendekatan yang disebutkan di atas mungkin dapat membantu menangani kebimbangan seperti aktiviti dalam sektor kedai runcit, namun ianya mungkin tidak sesuai untuk diterapkan dalam sektor-sektor lain sepertimana yang juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan nya. Ia akan bergantung kepada pengetahuan atau pengalaman GLC yang mencukupi untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan tersebut. Selain itu, pihak Kerajaan juga harus selalu berhati-hati agar GLC tidak terlibat dalam aktiviti yang sudah aktif dijalankan oleh usahawan-usahawan tempatan yang sedia ada. Jika sekiranya pihak GLC terlibat, maka ia sudah setentunya akan mengganggu ataupun *crowding out* sektor swasta khususnya sektor yang dimaksudkan itu, yang kini banyak dioperasikan oleh usahawan-usahawan tempatan.

No. Soalan: PL58**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN****TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan dasar-dasar dalam memastikan GLCs menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan informasi tersebut diketahui oleh masyarakat umum memandangkan GLCs memainkan peranan penting dalam ekonomi Brunei, yang mana ketelusan dan akauntabiliti diperlukan untuk memastikan operasi mereka efisien, menguntungkan, dan bermanfaat kepada masyarakat.

JAWAPAN:

Ahli Yang Berhormat bertanya tentang transparansi dan akauntabiliti GLC. Kaola ingin mengongsikan dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa sejak beberapa tahun yang lalu, Syarikat-Syarikat GLC telah menjalani perubahan ataupun transformasi yang sungguh signifikan dan telah mengamalkan urustadbir yang kukuh selaras dengan amalan baik antarabangsa. Pertama sekali, setiap GLC diurus oleh lembaga pengarah di mana semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah menjalani Latihan yang intensif. Tambahan lagi, kebanyakan GLC sekarang telah mengamalkan Code of Corporate Governance ataupun Kod Tadbir urus Korporat sebagai panduan operasi perniagaan mereka. Selain itu, setiap GLC juga diwajibkan menyediakan penyata kewangan tahunan mereka mengikut Piawaian Kewangan Antarabangsa iaitu International Financial Reporting Standards (IFRS) yang bertujuan untuk dihadapkan kepada pemegang saham dan pihak berkuasa seperti Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk mematuhi keperluan pemfailan tahunan. Dalam hal ini, GLC juga mempunyai pengawalan yang kukuh melalui audit dalaman, juruaudit luar dan setentunya Jabatan Audit Kerajaan.

Bagi GLC di bawah jagaan Darussalam Asset (DA), semua akaun-akaun GLC disatukan atau consolidated dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Darussalam Assets dan juga Supervisory Council, Darussalam Assets. Ini menunjukkan terdapatnya penelitian dan pemantauan yang mencukupi. Apa yang penting, seperti yang Kaola bentangkan dalam Kertas Pembentangan Rang

Undang-Undang Perbekalan tempoh hari adalah usaha berterusan yang ditunjukkan oleh GLC dalam menyumbang dan membantu dalam pembangunan ekonomi negara dan penyediaan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan kitani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat GLC yang ada masa ini adalah dianggap sebagai syarikat sendirian berhad yang tidak memerlukan pengongsian maklumatmaklumat atau penyata kewangan kepada orang ramai, melainkan jika GLC tersebut disenaraikan dalam bursa saham satu hari, yang memerlukan sebarang maklumat seperti aktiviti perniagaan atau penyata kewangan diumumkan untuk kegunaan awam dan pelaburan.

Ini membawa kaola kepada soalan seterusnya di bawah PL9 mengenai perkembangan semasa Projek Bursa Saham.

No. Soalan: PL22

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan pihak Kementerian khususnya ABCi dalam menangani kejadian rumah-rumah runtuh di Kampung Ayer bagi menjamin keselamatan rumah-rumah yang sedia ada, keselamatan nyawa dan harta benda penduduk-penduduk di Kampung Ayer.

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin atas keprihatinan khususnya kepada keselamatan penduduk dan rumah-rumah di Kampung Ayer.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi dan peranan ABCi bertanggungjawab meneliti pelan bangunan yang dipohonkan untuk dibina dan memberikan permit sebelum sebarang kerja dibenarkan untuk dimulakan. Selepas pembinaan siap dan bangunan dikeluarkan *occupancy permit* (OP), ABCi tidak ada peranan dalam pemantauan atau penguatkuasaan terhadap penyelenggaraan struktur tersebut. Pemantauan keselamatan rumah selepas pembinaan adalah tanggungjawab pemilik rumah serta klien yang berkaitan.
- Bagi menangani isu rumah runtuh di Kampung Ayer, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum ini telah menjalankan pemeriksaan dan penilaian integriti struktur rumah di beberapa kawasan di Kampung Ayer. Susulan insiden rumah roboh pada tahun 2017, JKR telah melaksanakan pemeriksaan visual dalam dua fasa iaitu:
 - Fasa pertama pada tahun 2017 di Mukim Saba dan Mukim Peramu dengan jumlah **188 buah rumah**.
 - Fasa kedua pada April 2023 di Mukim Burong Pingai, Mukim Peramu, Mukim Sungai Kebun dan Mukim Tamoi dengan jumlah **149 rumah**.
- Dengan perlaksanaan kedua-dua fasa tersebut, **337 buah rumah** di Kampung Ayer telah dikenalpasti untuk diberikan sokongan penyelenggaraan lanjut untuk tindakan pemilik rumah.

-
- Susulan penemuan ini, perlu juga diamati bahawa peranan JKR adalah lebih kepada memberikan khidmat nasihat teknikal keatas rumah-rumah berkenaan termasuk mengenai kaedah pembaikan struktur yang selamat dan berkesan.
 - Kementerian Pembangunan telah mengongsikan dapatan-dapatan tersebut kepada Jabatan Daerah Brunei-Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

No. Soalan: PL68

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan ke arah penggunaan Sistem Kawalan Trafik Pintar (TCS) bagi sistem kawalan trafik dan jalan raya di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan kemajuan semasa dan negara maju Tahun 2035.

JAWAPAN:

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,

Salam sejahtera dan Selamat Pagi,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub di atas soalan mengenai Sistem Kawalan Trafik Pintar (TCS).

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan memperkenalkan Sistem Kawalan Trafik Pintar (TCS) memang sedikit sebanyak telah dijalankan secara berperingkat-peringkat sebagai contoh sebahagian daripada ciri-ciri sistem kawalan trafik yang telah dipasang termasuk pemasangan 'sensor' bagi semua lampu isyarat dan kamera CCTV di sebahagian persimpangan lampu isyarat. Pemasangan 'sensor' tersebut berfungsi sebagai pengesan bagi tujuan untuk pengumpulan data mengenai jumlah lalu lintas, kelajuan dan jenis kenderaan oleh Jabatan Kerja Raya. Manakala, pemantauan CCTV berkenaan dilaksanakan oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.
2. Sukacita juga dikongsikan, melalui perbincangan di peringkat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), beberapa langkah juga telah diambil untuk meningkatkan lagi keselamatan jalan raya termasuk perancangan bagi pemasangan 'Speed Monitoring Device'. Ini adalah untuk memantau dan memaparkan had kelajuan kenderaan dengan bertujuan

memberi peringatan kepada pemandu apabila mereka melebihi had laju di kawasan-kawasan strategik dan yang juga telah dikenalpasti seperti *hotspot area* iaitu tempat-tempat yang sering berlaku kemalangan dengan menggunakan analisa data melalui '*Road Accident Data Enhancement and Development*' (RADED).

3. Selain dari itu, Kementerian ini dan Jabatan Pengangkutan Darat di bawah usaha dalam menyediakan Sistem Pengangkutan Awam juga akan memanfaatkan penggunaan teknologi bagi memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian Sistem Pengangkutan Pintar ('*Smart Transportation System*' – STS). Antaralain sistem ini juga dihasratkan untuk mempunyai kemampuan '*In-Vehicle Monitoring System*' (IVMS) dan '*tracking*' yang boleh digunakan dalam sistem kawalan trafik pintar. Projek ini adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-12.
4. Sistem Pemantauan Dalam Kenderaan atau '*In-Vehicle Monitoring System*' (IVMS) merupakan teknologi yang mengumpul, merekod dan menganalisis data daripada kenderaan. IVMS ini sering digunakan untuk meningkatkan keselamatan, kecekapan dan pematuhan peraturan iaitu ianya juga dapat digunakan bagi tujuan penguatkuasaan. Sistem ini terdiri daripada peranti elektronik yang dipasang di dalam kenderaan untuk memantau aktiviti pemandu dan membantu mengenalpasti tingkah laku seperti memandu dengan kelajuan berlebihan.
5. Kesimpulannya, sistem yang dikongsikan sebentar tadi adalah dihasratkan untuk memperkukuhkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran lalu lintas, khususnya bagi kenderaan berat dan pengangkutan awam atau komersial nanti.

Sekian disampaikan dan terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL103

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan mempertimbangkan untuk menambah perkataan 'Digital' dalam namanya bagi mencerminkan komitmen negara terhadap transformasi digital, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, serta memperkukuhkan identiti negara sebagai Negara Pintar.

JAWAPAN:

Terima kasih atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee bagi memodenkan nama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan menambah perkataan 'Digital'.

1. Terlebih dahulu, izinkan peramba/kaola/saya mengongsikan secara ringkas mengenai latar belakang peranan dan tanggungjawab utama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 15 Disember 2018, nama Kementerian ini telah diperkenalkan untuk ditukar daripada Kementerian Perhubungan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).
3. Ini adalah bagi mengambil kira hal ehwal ICT semakin menonjol pada masa itu. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada hal ehwal digital, Kementerian ini juga bertanggungjawab ke atas sektor pengangkutan iaitu darat, laut dan udara; sektor infokomunikasi; sektor perkhidmatan-perkhidmatan pos; kajicuaca; sains, teknologi dan inovasi serta keselamatan siber.
4. Pada masa yang sama, perkembangan yang berkaitan dalam bidang digital, untuk makluman adalah juga diterajui oleh Majlis Ekonomi Digital, manakala hal ehwal keselamatan siber di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber (JKKS).

-
5. Walaubagaimanapun, berikutan dengan berakhirnya tempoh Pelan Induk Ekonomi Digital pada tahun 2025, ini adalah salah satu peluang untuk menilai perubahan kepada struktur Majlis Ekonomi Digital Brunei dan juga untuk merasionalkan peranan agensi-agensi dan badan-badan yang terlibat di dalam usaha digital negara. Dengan itu, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah diambil maklum dan akan dipertimbangkan kesesuaiannya nanti.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan terima kasih.

No. Soalan: PL37

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan aspirasi MOHA untuk memperkasakan pembangunan komuniti dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti yang memerlukan pemimpin visionary, berpengetahuan luas, memahami perkembangan setempat dan aktif dalam perancangan jangka panjang serta bermastautin bersama masyarakat yang dipimpin. Sejauh mana dasar Kementerian untuk mengenal pasti calon pemimpin ini diserapkan dalam rancangan penggantian pemimpin seperti Pegawai Daerah dan Penghulu dan menjadikan bermastautin sebagai syarat utama pemilihan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

1. Alhamdulillah sejak bulan April 2024, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kerjasama Jabatan-Jabatan Daerah dan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah memperkenalkan dan melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPIs) di kalangan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang antarlain bertujuan untuk menerapkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang lebih terarah, berstruktur dan berunsurkan pencapaian. Petunjuk Prestasi Utama ini digunakan untuk mengukur prestasi atau tahap pencapaian setiap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai mata, telinga dan lidah kepada Kerajaan dan kepada penduduk Mukim dan Kampung iaitu sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tahun 2023-2027 dan perancangan Jabatan-Jabatan Daerah. Petunjuk Prestasi Utama berkenaan memfokuskan kepada aspek Kepimpinan dan Pengurusan; Kemaslahatan anak buah Mukim dan Kampung; Keselamatan di Mukim dan Kampung; Ketersediaan Prasarana; dan Perekonomian.
2. Sebagai tambahan, Kementerian juga telah diberi kebenaran untuk melaksanakan Rangka Kerja Modal Kompetensi Sumber Manusia Penghulu Mukim Dan Ketua Kampung (HRCF PMKK) yang bertujuan bagi

mengenalpasti jurang kompetensi dan seterusnya membantu dalam penggubalan program pembangunan kapasiti yang berstruktur dan terarah. Selain itu, rangka kerja ini juga akan memperkesakan lagi proses pengambilan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung berasaskan kepada kompetensi, yang mana rangka kerja ini merangkumi kompetensi Teras iaitu kompetensi asas yang perlu ada bagi setiap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung diselaraskan dengan nilai-nilai teras Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kompetensi Kepimpinan mengambilkira Penghulu Mukim dan ketua Kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi; dan Kompetensi Fungsi bagi membantu Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka secara efisien dan efektif.

3. Kaola sukacita mengongsikan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah melaksanakan Penilaian Kendiri terhadap 165 orang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung seluruh daerah berdasarkan kepada Rangka Kerja Modal Kompetensi Sumber Manusia berkenaan. Hasil penilaian berkenaan telah mendapati bahawa 22 peratus iaitu 36 orang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menilai tahap kompetensi mereka pada tahap hampir bersedia; 58 peratus iaitu 96 orang pada tahap berpotensi; manakala 20 peratus iaitu 33 orang pada tahap melebihi jangkaan.
4. Di bawah Fasal 4 perkara 6 bagi Penghulu Mukim dan Fasal 4 perkara 7 bagi Ketua Kampung dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mempersyaratkan bagi Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang memohon hendaklah tinggal menetap di mukim atau kampung masing-masing tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Setakat ini semua Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang dilantik adalah bermastautin di mukim dan kampung di mana mereka dilantik.
5. Kaola juga sukacita mengongsikan bahawa semua Pegawai-Pegawai Daerah memang menetap di daerah di mana mereka ditugaskan dan perkara ini pernah juga ditimbulkan dan dijawab di Dewan yang mulia ini dan semasa sesi-sesi Muzakarah.
6. Di kesempatan ini juga, Kaola ingin mengongsikan status pengisian jawatan kosong Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di seluruh negara, yang mana sejak tahun 2022 sehingga Disember 2024, sebanyak 15 dari 31 jawatan Penghulu Mukim dan 85 dari 190 jawatan Ketua Kampung telah diisi secara tetap. Majlis Pengundian dan Pemilihan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga giat dilaksanakan, dengan 35 majlis telah diadakan sepanjang

tahun 2024 dan 2 majlis seumpamanya telah diadakan setakat dua bulan pertama pada tahun 2025 ini.

7. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemerhatian sejak tahun 2022 sehingga sekarang, kadar kehadiran penduduk mukim atau kampung selaku pengundi di majlis-majlis pengundian dan pemilihan calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah masih pada tahap yang rendah. Berdasarkan Skim Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, telah digariskan bahawa sesebuah majlis pengundian perlu mempunyai jumlah pengundi yang hendaklah tidak kurang daripada satu per tiga ($1/3$) daripada jumlah pengundi yang berdaftar bagi membolehkan calon yang diundi boleh disokong untuk lantikan. Oleh yang demikian, sukacita Kaola menyeru bagi setiap penduduk kampung untuk memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk mengundi calon bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di bawah tadahan masing-masing.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL121

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : 06.03.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan isu peningkatan warga asing yang menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit, khidmat pembersihan, dan pemotongan rumput, yang sepatutnya boleh dilakukan oleh warga tempatan. Mereka ini nampaknya menguasai perniagaan ini dan menggaji belia tempatan dengan gaji rendah serta waktu kerja yang panjang. Apakah ada kajian dibuat oleh agensi berkaitan dalam isu ini, dan apakah yang diperolehi dari hasil kajian tersebut.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan kepada perangkaan Banci Majikan dan Pekerja 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh, setakat 1 haribulan April 2024, seramai 8,350 orang pekerja asing adalah dalam aktiviti kedai runcit, berbanding 6,001 orang pekerja tempatan. Bagi aktiviti pemotongan rumput pula adalah seramai 366 orang pekerja asing berbanding 97 orang pekerja tempatan, manakala dalam aktiviti pembersihan adalah seramai 1,323 orang pekerja asing berbanding 576 orang pekerja tempatan.
2. Dalam hal ini, diperjelaskan bahawa sasaran penggantian tenaga kerja yang melibatkan pengambilan pekerja asing, adalah berdasarkan kepada keperluan dari syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, Jabatan Buruh berkerjasama rapat dengan Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei, JCB), bagi memastikan bahawa peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan adalah diberi keutamaan. Perkara ini telah dipraktikkan apabila Lesen Pekerja Asing dipohonkan melalui *National Labour Management System* (NLMS) di mana "*Clearance letter*" dari PPB adalah diperlukan sebagai sokongan pengambilan pekerja asing iaitu setelah proses-proses pengiklankan jawatan telah dibuat

oleh syarikat berkenaan dan tidak ada anak tempatan yang berminat untuk memohon atau berkecualan bagi mengisi jawatan yang berkenaan.

3. *National Labour Management System* (NLMS) adalah sebuah sistem yang telah mula digunapakai sejak 01 haribulan April 2023 untuk memudahcara dalam menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Buruh termasuk juga Lesen Perkhidmatan Domestik (LPD) secara dalam talian.
4. Sebagai tambahan, Jabatan Buruh juga telah pun melaksanakan dasar bagi pembekuan lima (5) jawatan di sektor swasta dari diisikan oleh pekerja asing. Jawatan-jawatan berkenaan adalah jawatan perkeranian, Juruwang, Jurujual, Penjaga Stor dan Pengawal Keselamatan.
5. Justeru itu, bagi memastikan anak-anak tempatan mempunyai kemahiran yang diperlukan selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa, peningkatan kapasiti dalam bidang mahir dan separa mahir melalui *Registered Training Organisations* (RTOs) yang diiktiraf di negara ini juga diberikan keutamaan bagi memastikan rakyat tempatan mempunyai kompetensi dan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk menggantikan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu.
6. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam usaha untuk mendokong peluang pekerjaan di kalangan anak tempatan khususnya di kalangan anak buah kampung, melalui Jabatan Daerah Tutong telah melaksanakan satu inisiatif dengan memberikan kontrak perkhidmatan pemotongan rumput kepada Syarikat MPM Telisai selama lapan bulan bermula bulan September 2024 hingga April 2025 di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang dan Gerai Mukim Telisai, dan sebagai permulaan dua (2) orang anak buah kampung diambil bekerja di bawah syarikat berkenaan. Insha Allah, usaha ini akan dilartkan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan dan usaha seumpama ini mencerminkan pemedulian pihak Kerajaan dalam membantu penduduk kampung untuk mendapatkan pekerjaan agar lebih mandiri.
7. Dalam masa yang sama, Jabatan Buruh dengan kerjasama Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) telah mengemaskinikan pelaksanaan dasar Upah Minima yang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pekerja secara keseluruhannya. Dasar Gaji Minima adalah bertujuan untuk menetapkan kadar gaji asas yang

lebih berpatutan, melindungi pekerja daripada upah yang terlalu rendah, serta mendorong motivasi dan produktiviti tenaga kerja tempatan di samping merangsang pertumbuhan sosio-ekonomi, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing. Inisiatif ini juga sejajar dengan komitmen Negara Brunei Darussalam di bawah perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP), yang menekankan perlindungan hak pekerja serta peningkatan taraf hidup pekerja tempatan.

8. Bagi memastikan majikan dan pekerja mematuhi Akta Imigresen Penggal 17 dan Peraturannya dan; Akta Pekerjaan Penggal 278, Bahagian Penguatkuasaan Undang- Undang kedua-dua buah Jabatan telah melaksanakan pemeriksaan dan operasi secara berterusan samaada secara bersendirian atau bersepadu dengan agensi- agensi penguatkuasaan yang lain. Pada Tahun 2024, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melaksanakan sebanyak seribu lima ratus lima belas (1,515) pemerhatian dan tiga ratus empat puluh tujuh (347) operasi dengan seramai dua ribu lapan ratus empat puluh sembilan (2,849) pesalah imigresen telahpun dikenakan denda kompaun di atas berbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen Penggal 17 dan Peraturannya. Jumlah denda kompaun yang dikutip adalah sebanyak satu juta, tiga ratus sembilan belas ribu, tujuh ratus ringgit (\$1,319,700.00). Hasil dari aktiviti penguatkuasaan ini, seramai empat puluh satu (41) orang asing telahpun dihadapkan ke mahkamah dan didapati bersalah di bawah Bab Lima Belas Ceraian satu [15 (1)] dari Akta Imigresen iaitu kesalahan tinggal lebih masa di Negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.
9. Manakala bagi Jabatan Buruh, sejumlah dua ribu tiga ratus dua puluh lima (2,325) pemeriksaan telah dilaksanakan pada tahun 2024 dan sejumlah tiga ratus tiga puluh enam (336) operasi sepadu telah dijalankan oleh Jabatan Buruh pada tahun 2024. Dari operasi ini, sebanyak enam ratus lima (605) kesalahan telah dikenakan tindakan denda kompaun dengan antara majoriti kesalahan utama adalah di bawah Bab Seratus Dua Belas ceraian [Bab 112 (2)] Akta Pekerjaan Penggal 278 iaitu pelanggaran syarat-syarat Lesen Pekerja Asing dan menggaji pekerja asing tanpa Lesen Pekerja Asing (LPA).

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.